

Jom Kenali Mahasiswa OKU dan Keperluan Mereka: *OKU Masalah Pembelajaran (Slow Learners)*



Definisi

Individu ini mempunyai IQ (tahap intelek/kepandaian) yang lemah, dan mempunyai kelemahan yang ketara dari segi masalah pertuturan, berfikir, mengeja, menghitungkan, masalah pergaulan, masalah penjagaan diri, tidak boleh berinteraksi di komuniti tanpa pantauan dan lemah dalam memberi tumpuan. Kebolehan untuk berfikir dan membuat keputusan terganggu kerana pemikiran adalah tidak sesuai dengan umur.



Cabaran yang dihadapi

- ▶ Tidak boleh belajar dalam jumlah yang ramai kerana tahap kefahaman yang rendah.
- ▶ Sukar menerima pengajaran yang kompleks dan banyak.
- ▶ Sukar membayangkan penerangan berbentuk abstrak. Lebih mudah faham dalam bentuk visual.
- ▶ Perhatian mudah teralih daripada satu stimulus ke stimulus lain.
- ▶ Sukar faham arahan terutama arahan tugas yang panjang.
- ▶ Rendah diri dan kurang rasa dihargai *low self-esteem*.

Amalan terbaik Pelaksanaan PdPc

- ▶ Perbincangan dalam talian secara kumpulan kecil (3-4 orang sahaja).
- ▶ Pembelajaran menerusi topik-topik kecil.
- ▶ Bahan pembelajaran yang mengutamakan pelbagai warna / imej / grafik / video / carta / graf / audio-visual.
- ▶ Video tunjuk cara / demonstrasi lebih mudah difahami.
- ▶ Pembelajaran menggunakan teknologi sederhana tidak rumit *low-technology*.
- ▶ Video pembelajaran di selang seli dengan video motivasi santai / kelakar.
- ▶ Permainan dalam talian dan pembelajaran interaktif.
- ▶ PdPc sentiasa diselitkan semangat, pujian serta penghargaan (*words of wisdom*).
- ▶ *Video call* berkala untuk mengetahui perkembangan pembelajaran.



Cadangan penilaian kursus

- ▶ Pengubahsuaian munasabah (reasonable adjustment) penilaian mengikut keupayaan pelajar.
- ▶ Kuiz online mengikut topik / bahagian.
- ▶ Tugas berasaskan projek / kes dalam talian.
- ▶ Penulisan kertas kerja yang dipecah kepada topik-topik kecil.
- ▶ Video Pembentangan.

